

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI
BUMI ARMADA NAVIGATION SDN BHD
KAMPUNG BARU, KUALA LUMPUR

OLEH
JOWANALZA BT ABD RAHIM
SARJANA MUDA PENGURUSAN
(MARITIM)

LAPORAN LATIHAN INDUSTRI DISERAHKAN KEPADA
JABATAN PENGURUSAN DAN PEMASARAN
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI MALAYSIA
(KUSTEM)

2005

CN: 2265

Perpustakaan
Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia (KUSTEM)

1100039893



LI 18 FPE 2 2005



1100039893

Laporan akhir latihan industri di Bumi Armada Navigation Sdn Bhd Kampung Baru,Kuala Lumpur / Jowanala Abd Rahim.

PERPUSTAKAAN

**KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA
21030 KUALA TERENGGANU**

Lihat sebelah



L 18
TPE
2
2005

**LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI BUMI
ARMADA NAVIGATION SDN. BHD
KAMPUNG BARU, KUALA LUMPUR.**

Oleh:

**JOWANALIZA BT ABD RAHIM
SARJANA MUDA PENGURUSAN (MARITIM)**

Laporan Latihan Industri Diserahkan Kepada

**Jabatan Pengurusan dan Pemasaran
Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi
Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia
(KUSTEM)**

2005

1100039893

PENGESAHAN KEASLIAN LAPORAN

Dengan ini, saya **JOWANALIZA BINTI AB RAHIM**, mengakui bahawa laporan Latihan Industri bagi kursus PGN 4799 adalah hasil usaha saya sendiri. Segala bentuk penulisan yang terkandung dalam laporan ini adalah merupakan pandangan dan pendapat saya yang berasaskan kepada pengaplikasian teori dan pengalaman yang dipelajari semasa menjalani Latihan Industri semata-mata. Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE) KUSTEM tidak terikat dengan isi kandungan laporan tersebut.

Tandatangan,



Nama : JOWANALIZA AB RAHIM

TARIKH : 15 NOVEMBER 2005

Disahkan Oleh:



Tuan Haji Abdul Rahim bin Ibrahim

Penyelia KUSTEM

b/p Penggerusi Latihan Industri

Fakulti Pengurusan dan Ekonomi

KUSTEM

PENGHARGAAN

Segala puji bagi Allah s.w.t., Tuhan sekalian alam, kerana dengan rahmat dan izinNya penulis berjaya menyiapkan laporan Latihan Industri (LI) ini. Selawat dan salam kepada junjungan Mulia Nabi Muhammad s.a.w dan para sahabat.

Sekalung penghargaan dan terima kasih pelatih tujuhan khusus untuk ayahanda dan bonda tercinta dengan dorongan serta bantuan yang menjadi semangat dan perangsang kepada penulis. Tidak lupa juga kepada seluruh ahli keluarga yang banyak membantu dari segi sokongan moral, kewangan, dan tempat tinggal sepanjang pelatih menjalani Latihan Industri. Segala jasa dan pertolongan tersebut banyak meringankan beban pelatih dan juga membantu pelatih meneruskan aktiviti Latihan Industri hingga ke penghujungnya.

Pelatih mengambil peluang ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tn Hj Abdul Rahim B Ibrahim, penyelia Latihan Industri Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM), di atas segala panduan, komentar, dorongan, tunjuk ajar dan nasihat yang diberikan sepanjang tempoh pelatih menjalani Latihan Industri (LI) sehinggalah laporan ini siap ditulis. Ucapan Terima Kasih juga di atas kesudian beliau memberikan tips serta garis panduan yang amat berguna kepada pelatih dalam proses menyiapkan laporan ini. Kerjasama beliau amatlah dihargai.

Seterusnya sekalung ucapan terima kasih juga pelatih dedikasikan khusus kepada pihak Bumi Armada Navigation Sdn Bhd (BAN) di atas kesudian pihaknya menerima pelatih untuk menjalani Latihan Industri di sana. Sepanjang tiga bulan di sana pelatih berpeluang untuk merasai suasana pekerjaan yang sebenar dan seterusnya menceduk begitu banyak pengalaman berharga.

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga juga pelatih tujukan kepada individu-individu yang terlibat sepanjang tempoh pelatih berada di BAN terutama sekali Kapten Badaruddin Hassan B Mat Atan. Beliau adalah Pemangku Pengarah Urusan untuk bahagian operasi Bumicare Offshore Production (BCOP) dan seterusnya merupakan penyelia industri pelatih. Beliau banyak memberi tunjuk ajar serta tekun memberi penerangan tentang beberapa perkara yang tidak diketahui oleh pelatih dan seterusnya membantu membuka minda pelatih khasnya di bidang korporat perkapalan.

Tidak ketinggalan kepada semua kakitangan BAN yang begitu komited dan bersunguh-sungguh membantu pelatih sepanjang pelatih berada di BAN. Terima kasih kepada kakitangan di bahagian operasi BCOP yang diterajui oleh Puan Rohana Bt Ariffin, Puan Norhayaze Binti Shahdan, Encik Rosman Barindi, Encik. Mohd Sapie Sadi, Encik Taufix Azhar Ab Manaf dan Encik Megat Shahriman Zulkifli. Mereka banyak membantu serta memberi maklumat penting di samping tidak jemu menunjuk ajar tentang aktiviti operasi yang dijalankan di

BCOP. Penghargaan juga ditujukan kepada semua staf-staf lain yang turut sentiasa bersedia membantu ketika pelatih bermasalah ketika bertugas serta berusaha memberi informasi yang diperlukan pelatih.

Akhir sekali ucapan terima kasih juga pelatih tujukan untuk semua pensyarah dan pihak urusetia terlibat yang merupakan ahli Jawatankuasa Latihan Industri Fakulti Pengurusan dan Ekonomi. Sesungguhnya mereka bekerja keras untuk melancarkan lagi aktiviti Latihan Industri ini. Segala susah payah mereka dalam membantu penulis menyiapkan laporan ini amatlah dihargai.

Semoga semua pihak yang terlibat dalam menjayakan aktiviti Latihan Industri ini mendapat ganjaran daripada Allah s.w.t.

Sekian, Terima Kasih.

JOWANALIZA BT AB RAHIM

ISI KANDUNGAN

Bil	Perkara	Halaman
	Penghargaan	i
	Isi Kandungan	iv
	Senarai Rajah	vii
	Ringkasan Eksekutif	viii

BAB SATU

1.0	Pengenalan	1
1.1	Latar Belakang Bumi Armada Navigation Sdn. Bhd.	4
	1.1.1 Latar Belakang Korporat	7
1.2	Maklumat Organisasi	8
1.3	Carta Organisasi	11
	1.3.1 Struktur Korporat	11
	1.3.2 Struktur Organisasasi BAN-BCOP Kampung Baru	12
	1.3.3 Struktur Organisasi Jabatan Operasi BCOP	13
1.4	Senarai Nama Kakitangan Bumi Armada Navigation	14
1.5	Fungsi Dan Aktiviti Bahagian	17
1.6	Lokasi	19

BAB DUA

2.0	Pengenalpastian Masalah Dan Cadangan Penyelesaian Masalah	20
2.1.0	Sistem Kerja: Pengambilan Anak Kapal	20
	I) Prosedur Sistem Pengambilan Anak Kapal	20
	2.1 Carta Aliran	24
2.1.1	Pengenalpastian Masalah	25
2.1.2	Cadangan Penyelesaian	26
2.2.0	Sistem Kerja: Sistem Pesanan Pembelian	28
	I) Prosedur Pesanan Pembelian	26
	2.2 Carta Aliran	32
2.2.1	Pengenalpastian Masalah	34
2.2.2	Cadangan Penyelesaian	34
2.3.0	Sistem Kerja: Baikpulih <i>Barge</i>	36
	I) Prosedur Sistem Baikpulih <i>Barge</i>	34
	2.3 Carta Aliran	39
2.3.1	Pengenalpastian Masalah	40
2.3.2	Cadangan Penyelesaian	40

BAB TIGA

3.0 Rumusan Dan Cadangan Keseluruhan	41
3.1 Cadangan Latihan Industri	44
3.2 Kesimpulan	46

RUJUKAN	49
----------------	----

LAMPIRAN	50
-----------------	----

SENARAI RAJAH

Perkara		Halaman
Rajah 2.1	Carta Aliran Sistem Pengambilan Anak Kapal	24
Rajah 2.2	Carta Aliran Sistem Pesanan Pembelian	32
Rajah 2.3	Carta Aliran Sistem Baikpulih <i>Barge</i>	39

RINGKASAN EKSEKUTIF

Latihan Industri merupakan salah satu subjek wajib yang amat penting bagi pelajar di Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE). Latihan Industri memberi peluang kepada para pelajar untuk meningkatkan Purata Gred Kumulatif (CGPA) dengan 6 jam kredit untuk subjek LI yang wajib diambil pelajar. Namun begitu, tujuan utama subjek ini diwujudkan adalah untuk memberi pendedahan serta pengalaman kepada pelajar tentang suasana alam pekerjaan yang sebenar. Di sini juga tempatnya di mana para pelajar perlu mempraktikkan semua teori yang dipelajari semasa di kuliah, malah pelajar juga diajar tentang perkara yang masih belum dipelajari sepanjang berada di kampus. Secara tidak langsung ini menjadi satu bonus kepada pelajar dan memudahkan proses pengajian untuk semester akan datang. Situasi seumpama ini turut dirasai oleh pelatih sepanjang menjalani Latihan Industri (LI) di Bumi Armada Navigation Sdn Bhd (BAN). Bumi Armada Navigation merupakan salah sebuah organisasi korporat perkapalan di Kuala Lumpur yang ditubuhkan pada 24 Jun 1977. Korporat ini berfungsi sebagai nadi penggerak dan penyokong kepada industri minyak dan gas dalam negara iaitu dengan menyediakan perkhidmatan berbagai jenis kapal "offshore" untuk keperluan industri tersebut. Di BAN pelatih ditempatkan di bahagian operasi iaitu di Bumicare Offshore (BCOP). Bahagian operasi ini menguruskan sebuah kapal pemproses minyak mentah iaitu "Sistem Pemprosesan Minyak Mentah Terapung" (FPSO) yang bernama *MT Armada Perkasa*. BCOP juga menguruskan sebuah Kapal Tongkang Penginapan (Accommodation Workbarge) bernama *MV Mahakam*. Memandangkan *MT Armada Perkasa* merupakan sebuah kapal besar, maka aktiviti penyelenggaraannya juga adalah rumit dan cerewet. Pihak pengurusan operasi BCOP perlu sentiasa memantau dan memenuhi keperluan kapal tersebut. Sepanjang berada di BCOP pelatih dapat mengesan beberapa sistem yang wujud di bahagian itu. Antara sistem yang ada ialah sistem Pesanan Pembelian atau '*Purchase Order*' (PO). Pelatih berpeluang untuk mempelajari dan memahami sistem ini serta komponen yang wujud daripada staf yang terlibat secara langsung dengan sistem ini. Selain itu BCOP juga menguruskan tentang pengambilan anak kapal. Di sini pelatih boleh mengetahui prosedur yang perlu dilalui dalam proses pengambilan anak kapal untuk bekerja terutamanya anak kapal dari negara asing. Di samping belajar tentang pelbagai perkara, sepanjang berada di BCOP pelatih juga dapat mengenalpasti beberapa masalah yang wujud dalam beberapa aktiviti operasi korporat. Antara masalah yang wujud ialah dari segi pengagihan kerja yang tidak berapa sesuai dengan bidang kepakaran staf terlibat, masalah dari segi kelewatan proses untuk membolehkan anak kapal bekerja di atas kapal (*sign on*) serta beberapa masalah lain yang dibincangkan secara lebih lanjut di dalam bab yang seterusnya. Di kesempatan ini juga pelatih mengutarakan beberapa cadangan yang diharap sedikit sebanyak dapat membantu pihak pengurusan menjalani sistem kerja yang lebih efektif.